

Sambutan positif



>>Oleh Nurul Nafisah Mazlan

am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Dalam usaha mempelbaikakan kawasan tumpuan pelancong di ibu kota rata-rata bangunan di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak, di sini, kemaskini dan bersihkan sekali gus menjadikan projek di bawah Program Transformasi Kerajaan iaitu 'River of Life' (ROL) mendapat sambutan baik dari semua pihak.

Tinjauan Harian Metro ke kawasan sekitar berkenaan mendapati, keadaan bangunan yang menghadap sungai itu teratur tanpa ada sebarang perubahan pada struktur atau kerja pembaikan dilakukan.

Pemilik premis niaga, Saadladdin Ayooob, 51, berkata, selepas mengetahui mengenai projek yang dilakukan kerajaan menerusi akhbar, dia membersihkan kawasan belakang kedainya yang kurang 10 meter dari sungai berkenaan.

"Perhatian yang lebih harus diberikan kepada keadaan air di sungai itu sendiri sebab tiada gunanya jika bangunan cantik tetapi air sungai mengeluarkan bau busuk lebih-lebih lagi apabila musim hujan," katanya ketika di temui di Masjid Ja-



KEMAS...keadaan bangunan yang menghadap Sungai Gombak teratur tanpa perlu perubahan.

mek, di sini, semalam.

Sementara itu, orang awam, Saadiah, 31, berkata, tindakan kerajaan sesuai berikutan kawasan di sekitar Sungai Klang dan Sungai Gombak boleh dikomersialkan untuk tarikan pelancong.

"Saya fikir tidak ada masalah mengenai bangunan di sekitar kawasan ini, tetapi hanya saluran sungai perlu diperbetulkan kerana kadangkala ia mengeluarkan bau busuk," katanya.

Tujuan projek itu menjadikan sungai di Malaysia mempunyai jalan air begitu ikonik dan terkenal seperti Paris, Amsterdam dan Melbourne.

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Dr Sallehudin Abu Bakar berkata, pihaknya melantik perunding dan kerja mencantikkan sungai berkenaan sudah bermula.

Kelmarin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, dilaporkan meminta pemilik bangunan bersejarah di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak yang terbabit dalam projek 'River of Life' diminta bekerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mencantikkan premis berkenaan.